

ICT: Unimas perhebat projek di pedalaman

KUCHING 9 Sept. — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bercadang memperhebatkan gerakan membuka minda komuniti terpencil di negeri ini tentang komputer dan internet dengan memperbanyakkan projek pusat teknologi, komunikasi dan maklumat (ICT) di kawasan pedalaman.

Naib Canselornya, Profesor Dr. Yusuf Hadi berkata, pihaknya mendapat dorongan untuk memperluaskan projek berkenaan

ekoran kejayaan projek sulung mereka, 'e-Bario' di kawasan suku Kelabit di pedalaman Miri.

Projek itu membolehkan masyarakat Bario diiktiraf sebagai antara tujuh masyarakat pintar dunia oleh organisasi perkhidmatan jalur lebar (*broadband*) yang beribu pejabat di Amerika Syarikat, World Teleport Association (WTA) pada Ogos tahun lalu.

Bercakap ketika dihubungi di pejabatnya di sini hari ini, beliau menjelaskan, terdapat cadangan un-

tuk membina pusat ICT yang sama di beberapa lokasi pedalaman tahun ini namun butiran terperinci mengenainya belum diputuskan.

"Kami mengharapkan projek ini mendapat kerjasama bukan sahaja daripada komuniti terbabit tetapi juga wakil rakyat dan pihak berkuasa tempatan," ujarnya.

Kata beliau, apa yang penting ialah jurang digital antara penduduk pedalaman dan bandar dapat dikurangkan menerusi penyedi-

aan prasarana ICT seawal peringkat prasekolah.

Menurutnya, Bario yang terletak dalam Bahagian Miri, telah dipilih sebagai model pusat ICT dalam usaha membekalkan akses terhadap dunia luar di kalangan komuniti terpencil.


Bagi tujuan itu, Unimas sendiri telah membekalkan 20 unit komputer untuk ditempatkan di makmal teknologi maklumat Sekolah Kebangsaan (SK) Bario dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bario.

Pada masa yang sama,

Pusat Gatuman (istilah Kelabit bagi pusat perhubungan ke dunia luar) Bario dibangunkan untuk menyelaras penggunaan ICT di peringkat komuniti.

Ia menyediakan kemudahan seperti e-mel, Internet, pemprosesan kata dan faksimile kepada masyarakat setempat.

Pusat itu telah dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Amar Abdul Aziz Hussain pada 2 September lalu.



DR. Yusuf Hadi (dua dari kiri) menunjukkan cara penggunaan Internet kepada Opok Paren dari suku Kelabit di kawasan Pergunungan Bario di pedalaman Sarawak, baru-baru ini.